

23 NOVEMBER, 2017

To all News Editors

PRESS STATEMENT FOR IMMEDIATE RELEASE

Amran's Dismissal Case:- NUJ Appoints Gobind Against Utusan in the High Court

National Union of Journalists Peninsular Malaysian (NUJ) has appointed Gobind Singh Deo to represent former NUJ Utusan Melayu chairman Amran Ahmad to commence legal action in the High Court to seek judicial review on his dismissal case.

The appointment of Gobind is based on the merit of the lawyer who has won many cases including a dismissal case of an Utusan journalist earlier.

In addition, Gobind who has expressed his consent in writing will also highlight some of the key arguments that has been highlighted out previously.

NUJ hopes by this initiative the case will be on the side of the Union because it is very important not only for NUJ's future but for the benefit of all other trade unions in the country.

MTUC has also expressed its concern about this case by giving moral support and legal advice to NUJ to file for the judicial review in the High Court.


If the decision made by the Industrial Court in this case does not go through a judicial review, the NUJ fears that trade unions in this country will be afraid on voicing out in upholding their cause in future.

If criticizing, or in disputing any decision of the employer and to report to the authorities in its capacity as a trade union is considered defamatory, it is difficult for any trade union in the country to operate. Otherwise the union is there only to praise the company solely.

NUJ argued that Amran's dismissal case is not merely a case of an individual concern as being a branch chairman of NUJ but it will be seen as a reference point in any case involving future sacking of a trade union leaders.

For further information, Amran had previously failed in his claim at the Industrial Court in Kuala Lumpur for the charge of wrongful dismissal by the company back in 2009 after complaining of the company's transaction to the Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC).

**The Executive Council
National Union of Journalists Peninsular Malaysia**



ANNIVERSARY



1962 - 2017

NATIONAL UNION OF JOURNALISTS PENINSULAR MALAYSIA
KESATUAN KEBANGSAAN WARTAWAN SEMENANJUNG MALAYSIA

馬來西亞半島新聞從業員職工會

23 NOVEMBER, 2017

Kepada semua Pengarang Berita

KENYATAAN MEDIA UNTUK EDARAN SEGERA

Kes Pecat Amran: NUJ lantik Gobind lawan Utusan di Mahkamah Tinggi.

Kesatuan Kebangsaan Wartawan (NUJ) Malaysia telah melantik Gobind Singh Deo bagi mewakili bekas pengurus NUJ Utusan Melayu, Amran Ahmad untuk memfailkan semakan kehakiman kes pembuangan kerja beliau di Mahkamah Tinggi.

Pemilihan Gobind adalah berdasarkan merit peguam tersebut yang pernah memenangi banyak kes termasuk pembuangan wartawan Utusan sebelum ini.

Selain itu, Gobind yang telah menyatakan persetujuan secara bertulis akan turut mengetengahkan beberapa hujah utama yang terpinggir sebelum ini.

NUJ juga akan berusaha dan berdoa agar kes ini menyebelahi pihak kesatuan kerana ia sangat penting demi bukan sahaja masa depan NUJ malah semua kesatuan sekerja lain di negara ini.

Malah MTUC juga mengambil berat tentang kes ini dengan memberi sokongan moral dan nasihat perundangan kepada NUJ untuk memfailkan semakan kehakiman tersebut di Mahkamah Tinggi.

Jika keputusan oleh Mahkamah Perusahaan dalam kes ini tidak melalui semakan kehakiman dan kekal begitu, NUJ khuatir kesatuan sekerja di negara ini takut untuk bersuara dalam menegakkan perjuangan mereka.

Jika mengkritik, mempertikai keputusan majikan dan melaporkan kepada pihak berkuasa atas kapasiti kesatuan sekerja dianggap fitnah, maka sukarlah kesatuan sekerja di negara ini untuk bergerak sebaliknya hanya boleh memuji syarikat semata-mata.

NUJ berpendapat, kes Amran ini bukan hanya berkaitan kes individu yang bergelar pengurus cawangan semata-mata akan tetapi ia bakal menjadi rujukan dalam mana-mana kes membabitkan pemimpin kesatuan sekerja di masa depan.

Untuk pengetahuan semua, Amran sebelum ini gagal dalam tuntutannya di Mahkamah Perusahaan di Kuala Lumpur yang mendakwa dia dibuang kerja secara salah oleh syarikat itu pada 2009 selepas mengadukan transaksi syarikat kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

**Majlis Jawatankuasa Tertinggi
Kesatuan Kebangsaan Wartawan Semenanjung Malaysia**